

## **BAB 4**

### **ANALISIS DATA KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab ini mengandungi hasil analisis data yang cuba mendapatkan jawapan bagi soalan-soalan kajian yang berikut:

Pada pandangan guru pelatih,

- a) Apakah cara penyampaian kuliah oleh pensyarah di bilik kuliah yang dianggap ideal?
- b) Apakah tindakan-tindakan yang harus diambil oleh pensyarah dalam pengurusan bilik kuliah supaya pengajaran-pemelajaran dapat berjalan dengan berkesan?
- c) Apakah jenis aktiviti dan jenis tugasan kerja kursus yang patut dikendalikan oleh pensyarah?
- d) Apakah sifat-sifat peribadi pensyarah yang disukai oleh guru pelatih?
- e) Apakah bentuk hubungan antara guru pelatih dengan pensyarah yang diingini di dalam bilik kuliah dan di luar bilik kuliah?

- f) Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap ciri pensyarah yang ideal antara guru pelatih lelaki dengan guru pelatih perempuan?
- g) Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap ciri pensyarah yang ideal antara guru pelatih jurusan sains dengan guru pelatih jurusan sastera?
- h) Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap ciri pensyarah yang ideal antara guru pelatih berkelayakan S.P.M. dengan guru pelatih berkelayakan S.T.P.M.?

#### **4.2 Analisis Persepsi Terhadap Ciri-Ciri Pensyarah Yang Ideal**

Untuk menjawab soalan-soalan penyelidikan, sebanyak 100 set borang soal selidik telah diedarkan kepada guru-guru pelatih Maktab Perguruan Seri Kota, Kuala Lumpur. Pengkaji telah berjaya mengumpul kembali sebanyak 90 set daripada kesemua borang soal selidik tersebut.

**Jadual 4.1 : Taburan sampel mengikut jantina**

JANTINA	PERATUS	BILANGAN
Lelaki	33.3	30
Perempuan	66.7	60
Jumlah	100	90

Jadual 4.1 menunjukkan 90 orang telah menjadi sampel kajian. Daripada jumlah itu 33.3% atau 30 orang ialah lelaki dan 66.7% atau 60 orang ialah perempuan. Bilangan guru pelatih perempuan melebihi bilangan guru pelatih lelaki dengan nisbah 2:1.

**Jadual 4.2 : Taburan sampel mengikut opsyen**

OPSYEN	PERATUS	BILANGAN
Sains	28.9	26
Sastera	71.1	64
Jumlah	100	90

Sedikit lebih daripada satu perempat (28.9%) atau 26 orang guru pelatih beropsyen sains dan sedikit kurang daripada tiga perempat (71.1%) atau 64 orang guru pelatih beropsyen sastera. Bilangan guru pelatih beropsyen sastera adalah lebih tinggi daripada guru pelatih beropsyen sains dengan nisbah 3:1.

**Jadual 4.3 : Taburan sampel mengikut kelayakan akademik**

KELAYAKAN AKADEMIK	PERATUS	BILANGAN
S.P.M.	24.4	22
S.T.P.M.	75.6	68
Jumlah	100	90

Daripada jumlah 90 orang hampir sesuku (24.4%) atau 22 orang guru pelatih berkelayakan S.P.M. dan sedikit lebih daripada tiga suku (75.6%) atau 68 orang berkelayakan S.T.P.M. Bilangan guru pelatih berkelayakan S.T.P.M. adalah lebih tinggi daripada guru pelatih berkelayakan S.P.M. dengan nisbah 3:1.

**Jadual 4.4 : Sebaran persepsi tentang ciri-ciri penyampaian kuliah yang ideal**

Bil.	CIRI	DARJAT PENTJNGNYA			
		1	2	3	4
1	Pensyarah pandai memikat perhatian pelajar pada permulaan kuliah.	65.6 (59)	31.1 (28)	3.3 (3)	- -
2	Pensyarah menyampaikan kuliah dengan menggunakan alat bantuan mengajar.	25.6 (23)	45.6 (41)	24.4 (22)	4.4 (4)
3	Pensyarah menggunakan bahasa yang mudah dan lancar semasa berkuliahan.	66.7 (60)	26.7 (24)	6.7 (6)	- -
4	Pensyarah mengemukakan soalan yang dapat mencetuskan pemikiran semasa berkuliahan.	45.6 (41)	48.9 (44)	5.6 (5)	- -
5	Pensyarah menggalakkan guru pelatih menyoal apabila mereka kurang faham tentang sesuatu semasa beliau berkuliahan.	45.6 (41)	48.9 (44)	4.4 (4)	1.1 (1)
6	Pensyarah bersifat humor pada ketika-ketika yang sesuai untuk menghidupkan kuliah.	41.1 (37)	50.0 (45)	7.8 (7)	1.1 (1)

7	Pensyarah bercakap tentang hal-hal yang tidak bersangkut paut tentang tajuk kuliah di bilik kuliah.	- -	3.3 (3)	42.2 (38)	54.4 (49)
8	Pensyarah sentiasa mengawasi aktiviti pemelajaran guru pelatih di bilik kuliah.	12.2 (11)	56.7 (51)	25.6 (23)	5.6 (5)
9	Pensyarah memerhatikan pembentangan laporan/projek/tugasan kerja kursus oleh kumpulan tertentu pada masa kuliah.	37.8 (34)	56.7 (51)	4.4 (4)	1.1 (1)
10	Pada masa kuliah, pensyarah memberi perhatian pada bahagian-bahagian kursus yang berkait dengan peperiksaan.	48.9 (4.4)	40.0 (36)	10.0 (9)	1.1 (1)
11	Pada masa kuliah, pensyarah menyuruh guru pelatih membuat kerja sendiri.	- -	5.6 (5)	31.1 (28)	63.3 (57)
12	Pensyarah dapat menunjukkan perkaitan sesuatu teori dengan amalan bilik darjah.	56.7 (51)	35.6 (32)	7.8 (7)	- -
13	Pensyarah menuntut perhatian penuh daripada setiap guru pelatih semasa berkuliah.	26.7 (24)	60.0 (54)	10.0 (9)	3.3 (3)
14	Pensyarah dapat menggunakan contoh-contoh konkret untuk menjelaskan sesuatu konsep.	57.8 (52)	35.6 (32)	5.6 (5)	1.1 (1)
15	Pensyarah sentiasa mengulangkan isi-isi penting pada penghujung kuliah.	46.7 (42)	43.3 (39)	7.8 (7)	2.2 (2)

Nota :      1 - amat penting  
                2 - penting  
                3 - kurang penting  
                4 - tidak penting  
Angka dalam ( ) merupakan bilangan

#### 4.2.1      **Persepsi Tentang Cara Penyampaian Kuliah Yang Ideal**

Jadual 4.4 menunjukkan keputusan kajian tentang cara penyampaian kuliah oleh pensyarah di bilik kuliah yang dianggap ideal. Keputusan daripada Jadual 4.4 menunjukkan dari segi banyaknya subjek yang memilih darjah 1 (amat penting) bagi satu-satu ciri maka terdapat 5 ciri penyampaian kuliah yang paling utama.

Ciri pertama dan kedua sangat dekat peratusan subjek yang memilihnya. Ciri-ciri ini ialah pensyarah menggunakan bahasa yang mudah dan lancar semasa berkuliah, dipilih oleh 60 orang (66.7%); dan pensyarah pandai memikat perhatian pelajar pada permulaan kuliah, dipilih oleh 59 orang (65.6%). Demikian juga bagi ciri ketiga dan keempat (57.8% dan 56.7%), iaitu pensyarah dapat menggunakan contoh-contoh konkret untuk menjelaskan sesuatu konsep dan pensyarah dapat menunjukkan perkaitan antara sesuatu teori dengan amalan bilik darjah. Bagi ciri kelima peratusan subjek yang memilihnya kurang separuh (48.9%) atau 44 orang. Ciri tersebut ialah pensyarah memberi perhatian pada bahagian-bahagian kursus yang berkait dengan peperiksaan.

Jika dilihat dari segi banyaknya subjek yang memilih darjah 4 (tidak penting) bagi satu-satu ciri maka nyatalah sesetengah ciri penyampaian kuliah dianggap tidak penting. Ciri

pensyarah menyuruh guru pelatih membuat kerja sendiri semasa kuliah dianggap paling tidak penting oleh 57 orang (63.3%). Sedikit lebih daripada setengah guru pelatih (54.4%) menganggap pensyarah bercakap tentang hal-hal yang tidak bersangkut paut tentang tajuk kuliah di bilik kuliah adalah tidak penting. Seramai 5 orang guru pelatih (5.6%) puas menganggap pensyarah sentiasa mengawasi aktiviti pemelajaran guru pelatih di bilik kuliah adalah tidak penting. Ada segelintir guru pelatih (4.4%) menganggap pensyarah menyampaikan kuliah dengan alat bantuan mengajar adalah tidak penting walaupun alat bantuan mengajar memanglah penting semasa berkuliah. Mereka berpendapat demikian kerana pensyarah hanya menggunakan O.H.P (overhead projector) semasa menyampaikan kuliah. Pensyarah sepatutnya mempelbagaikan A.B.M. (alat bantuan mengajar).

Satu gambaran yang lebih jelas tentang persepsi penyampaian kuliah yang ideal akan wujud apabila kita mencantumkan banyaknya penjawab bagi darjat 1 dan 2 (am penting dan penting) seperti dalam Jadual 4.5.

**Jadual 4.5 : Pemeringkatan ciri-ciri penyampaian kuliah yang ideal selepas cantuman darjat 1 dan 2**

CIRI	Cantuman 1 dan 2	Kedudukan
Pensyarah dapat memikat perhatian pelajar pada permulaan kuliah.	96.7 (87)	1
Pensyarah mengemukakan soalan yang dapat mencetuskan pemikiran semasa berkuliah.	94.4 (85)	2
Pensyarah menggalakkan guru pelatih menyoal apabila mereka kurang faham tentang sesuatu semasa beliau berkuliah.	94.4 (85)	2
Pensyarah memerhatikan pembentangan laporan/projek/tugasan kerja kursus oleh kumpulan tertentu pada masa kuliah.	94.4 (85)	2
Pensyarah menggunakan bahasa yang mudah dan lancar semasa berkuliah.	93.3 (84)	3
Pensyarah dapat menggunakan contoh konkret untuk menjelaskan sesuatu konsep.	93.3 (84)	4
Pensyarah dapat menunjukkan perkaitan sesuatu teori dengan amalan bilik darjah.	92.2 (83)	5
Pensyarah bersifat humor pada ketika-ketika yang sesuai untuk menghidupkan kuliah.	91.1 (82)	6

Pensyarah sentiasa mengulangkan isi-isi penting pada penghujung kuliah.	90.0 (81)	7
Pada masa kuliah, pensyarah memberi perhatian pada bahagian-bahagian kursus yang berkait dengan peperiksaan.	88.9 (80)	8
Pensyarah menuntut perhatian daripada setiap guru pelatih semasa berkuliah.	86.7 (78)	9
Pensyarah menyampaikan kuliah dengan menggunakan alat bantuan mengajar.	71.1 (64)	10
Pensyarah sentiasa mengawasi aktiviti pemelajaran guru pelatih di bilik kuliah.	68.9 (62)	11
Pada masa kuliah, pensyarah menyuruh guru pelatih membuat kerja sendiri.	5.6 (5)	12
Pensyarah bercakap tentang hal-hal yang tidak bersangkut paut tentang tajuk kuliah di bilik kuliah.	3.3 (3)	13

Ciri-ciri penyampaian kuliah yang mendapat sambutan hampir kesemua guru pelatih (90% dan ke atas) adalah pensyarah yang memikat perhatian pelajar pada permulaan kuliah (96.7%), pensyarah mengemukakan soalan yang dapat mencetuskan pemikiran semasa berkuliah (94.4%), pensyarah menggalakkan guru pelatih menyоal apabila mereka kurang faham tentang sesuatu semasa beliau berkuliah (94.4%), pensyarah memerhatikа

pembentangan laporan/projek/tugasan kerja kursus oleh kumpulan tertentu pada masa kuliah (94.4%), pensyarah menggunakan bahasa yang mudah dan lancar semasa berkuliah (93.3%) pensyarah dapat menggunakan contoh konkrit untuk menjelaskan sesuatu konsep (93.3%) pensyarah dapat menunjukkan perkaitan teori dengan amalan bilik darjah (92.2%), pensyarah bersifat humor pada ketika-ketika yang sesuai untuk menghidupkan kuliah (91.1%) dan pensyarah sentiasa mengulangkan isi-isi penting pada penghujung kuliah (90%).

Lapan puluh peratus hingga 89% penjawab menganggap penting dan amat penting dua ciri penyampaian kuliah pada masa kuliah ialah pensyarah memberi perhatian pada bahagian-bahagian kursus yang berkait dengan peperiksaan (88.9%) dan pensyarah menuntut perhatian daripada setiap guru pelatih semasa berkuliah (86.7%).

Dua ciri penyampaian kuliah yang dianggap penting dan amat penting oleh lebih sedikit lebih daripada dua suku guru pelatih ialah pensyarah menyampaikan kuliah dengan menggunakan alat bantuan mengajar (71.1%) dan guru pelatih menganggap pensyarah sentiasa mengawasi aktiviti pemelajaran guru pelatih di bilik kuliah (68.9%).

Seperti yang telah dijangkakan, hanya sedikit sahaja guru pelatih (5.6% atau 3 orang) menganggap pensyarah yang menyuruh guru pelatih membuat kerja sendiri di bilik darjah (3.3% atau 3 orang) sebagai amat penting dan penting. Ciri-ciri ini mendapat kedudukan paling bawah. Pada pendapat pengkaji ini adalah kerana tunjuk ajar dan penyampaian kuliah yang berkesan dapat membantu guru pelatih mengajar dengan berkesan di bilik darjah keluar.

Ini akan memanfaatkan guru pelatih. Walhal, pensyarah yang tidak berkuliah atau bercakap-cakap kosong di bilik kuliah tidak memanfaatkan guru pelatih. Ini sudah tentunya tidak dapat membantu guru pelatih dalam pengajaran di bilik darjah kelak.

#### 4.2.2 Persepsi Tentang Pengurusan Bilik Kuliah Yang Ideal

Jadual 4.6: Sebaran persepsi tentang ciri pengurusan bilik kuliah yang ideal

BIL.	CIRI	DARJAT PENTINGNYA			
		1	2	3	4
1	Pensyarah sentiasa memberi salam kepada guru pelatih sebelum memulakan kuliah.	43.3 (39)	45.6 (41)	10.0 (9)	1.1 (1)
2	Pensyarah sentiasa datang tepat pada waktu kuliah.	67.8 (61)	28.9 (26)	3.3 (3)	-
3	Pensyarah menuntut setiap guru pelatih menghadiri semua kuliahnya.	47.8 (43)	42.2 (38)	8.9 (8)	1.1 (1)
4	Pensyarah memastikan guru pelatih memelihara kebersihan bilik kuliah setiap masa.	24.4 (22)	67.8 (61)	7.8 (7)	-
5	Pensyarah sentiasa tenang dalam sesuatu kecemasan di bilik kuliah.	50.0 (45)	35.6 (32)	11.1 (10)	3.3 (3)
6	Pensyarah dapat memberi arahan yang tepat dan mudah difahami di bilik kuliah.	64.4 (58)	33.3 (30)	2.2 (2)	-

7	Bagi persiapan tugas, pensyarah membahagikan guru pelatih kepada kumpulan-kumpulan kecil.	38.9 (35)	45.6 (41)	14.4 (13)	1.1 (1)
8	Pensyarah sentiasa memberi bantuan perseorangan kepada guru pelatih yang tidak memahami kuliah.	27.8 (25)	55.6 (50)	14.4 (13)	2.2 (2)
9	Pensyarah mengambil tindakan keras dan serta-merta terhadap guru pelatih yang mengganggu kuliahnya.	2.2 (2)	38.9 (35)	45.6 (41)	13.3 (12)
10	Pensyarah tidak peduli sama sekali tentang tingkah laku guru pelatih di bilik kuliah.	10.0 (9)	27.8 (25)	30.0 (27)	32.2 (29)
11	Pada kuliah pertama, pensyarah memberi tajuk-tajuk kuliah yang akan disampaikan.	41.1 (37)	44.4 (40)	10.0 (9)	4.4 (4)
12	Pensyarah mengadakan kuliah tambahan untuk menyelesaikan tajuk kuliah yang tidak dapat disampaikan.	21.1 (19)	53.3 (48)	23.3 (21)	2.2 (2)
13	Pensyarah memastikan guru pelatih sentiasa berpakaian kemas dan sesuai di bilik kuliah.	27.8 (25)	57.8 (52)	13.3 (12)	1.1 (1)
14	Jika keadaan memerlukan, pensyarah menjalankan kuliah di luar bilik kuliah.	12.2 (11)	60.0 (54)	25.6 (23)	2.2 (2)

Nota:

- 1 - amat penting
- 2 - penting
- 3 - kurang penting
- 4 - tidak penting

Angka dalam ( ) merupakan bilangan

Jadual (4.6) ini menunjukkan bahawa dari segi banyaknya subjek yang memilih darjah 1 (amat penting) bagi satu-satu ciri, terdapat 5 ciri paling utama dalam pengurusan bilik kuliah disusun secara menurun.

Pertama ialah pensyarah sentiasa datang tepat pada waktu kuliah (67.8% atau 61 orang); kedua ialah pensyarah dapat memberi arahan yang tepat dan mudah difahami di bilik kuliah (64.4% atau 58 orang); ketiga ialah pensyarah sentiasa tenang dalam sesuatu kecemasan di dalam bilik kuliah (50.0% atau 45 orang); keempat ialah pensyarah menuntut setiap guru pelatih menghadiri semua kuliahnya (47.8% atau 43 orang) dan kelima pensyarah sentiasa memberi salam dengan guru pelatih sebelum memulakan kuliah (43.3% atau 39 orang).

Jika dilihat dari segi banyaknya sampel yang memilih darjah 4 (tidak penting) bagi satu-satu ciri maka kita boleh memperoleh 2 ciri pengurusan bilik kuliah yang paling tidak penting mengikut persepsi guru pelatih. Pertama, pensyarah yang tidak peduli sama sekali tentang tingkah laku guru pelatih di bilik kuliah (32.2% atau 29 orang). Keduanya, pensyarah yang mengambil tindakan keras dan serta-merta terhadap guru pelatih yang mengganggu kuliahnya (13.3% atau 12 orang).

Kita mencantumkan banyaknya penjawab bagi darjah 1 dan 2 (amat penting dan penting) untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas seperti di dalam Jadual 4.7.

**Jadual 4.7 : Pemeringkatan ciri pengurusan bilik kuliah yang ideal selepas cantuman darjat 1 dan 2**

CIRI	CANTUMAN 1 DAN 2	KEDUDUKAN
Pensyarah dapat memberi arahan yang tepat dan mudah difahami di bilik kuliah.	97.8 (88)	1
Pensyarah sentiasa datang tepat pada waktu kuliah.	96.7 (87)	2
Pensyarah memastikan guru pelatih memelihara kebersihan bilik kuliah setiap masa.	92.2 (83)	3
Pensyarah menuntut setiap guru pelatih menghadiri semua kuliahnya.	90 (81)	4
Pensyarah sentiasa memberi salam dengan guru pelatih sebelum memulakan kuliah.	88.9 (80)	5
Pensyarah sentiasa tenang dalam sesuatu kecemasan di bilik kuliah.	85.6 (77)	6
Pada kuliah pertama pensyarah memberi tajuk-tajuk kuliah yang akan disampaikan.	85.6 (77)	6
Pensyarah memastikan guru pelatih sentiasa berpakaian kemas dan sesuai di bilik kuliah.	85.6 (77)	6

Bagi persiapan tugas, pensyarah membahagikan guru pelatih kepada kumpulan kecil.	84.4 (76)	7
Pensyarah sentiasa memberi bantuan perseorangan kepada guru pelatih yang tidak memahami kuliah	83.3 (75)	8
Pensyarah mengadakan kuliah tambahan untuk menyelesaikan tajuk kuliah yang tidak dapat disampaikan.	74.4 (67)	9
Jika keadaan memerlukan, pensyarah menjalankan kuliah di luar bilik kuliah.	72.2 (65)	10
Pensyarah mengambil tindakan keras dan serta merta terhadap guru pelatih yang mengganggu kuliahnya.	41.1 (37)	11
Pensyarah tidak peduli sama sekali tentang tingkah laku guru pelatih di bilik kuliah.	37.8 (34)	12

Apabila disoal tentang ciri-ciri pengurusan bilik kuliah, 90% dan ke atas guru pelati menganggap penting dan amat penting jika pensyarah dapat memberi arahan yang tepat dan mudah difahami di bilik kuliah (97.8%), pensyarah sentiasa datang tepat pada waktu kulia (96.7%), pensyarah memastikan guru pelatih memelihara kebersihan bilik kuliah setiap mas (92.2%) dan pensyarah menuntut setiap guru pelatih menghadiri semua kuliahnya (90%).

Lapan puluh peratus hingga 90% guru pelatih menganggap ciri-ciri pengurusan bilik kuliah yang berikut sebagai ideal. Ciri-ciri ini ialah pensyarah sentiasa memberi salam kepada guru pelatih sebelum memulakan kuliah (88.9%), pensyarah sentiasa tenang dalam sesuatu kecemasan di bilik kuliah (85.6%), pada kuliah pertama, pensyarah memberikan tajuk-tajuk kuliah yang akan disampaikan (85.6%), pensyarah memastikan guru pelatih sentiasa berpakaian kemas dan sesuai di bilik kuliah (85.6%), bagi persiapan tugasan, pensyarah membahagikan guru pelatih kepada kumpulan kecil (84.4%) dan pensyarah sentiasa memberi bantuan perseorangan kepada guru pelatih yang tidak memahami kuliahnya (83.3%).

Dua ciri yang dianggap penting dan amat penting oleh lebih daripada 70% guru pelatih ialah pensyarah mengadakan kuliah tambahan untuk menyelesaikan tajuk kuliah yang tidak dapat disampaikan (74.4%) dan jika keadaan memerlukan, pensyarah menjalankan kuliah di luar bilik kuliah (72.2%).

Ciri-ciri yang dianggap penting dan amat penting yang mendapat sambutan kurang daripada separuh sampel ialah pensyarah mengambil tindakan keras dan serta merta terhadap guru pelatih yang mengganggu kuliahnya (41.1%) dan pensyarah tidak peduli sama sekali tentang tingkah laku guru pelatih di bilik kuliah (37.8%).

Seperti dijangkakan, hanya sedikit guru pelatih (41.0% atau 37 orang) yang menganggap ciri pensyarah mengambil tindakan keras dan serta-merta terhadap guru pelatih yang mengganggu kuliahnya sebagai ciri pengurusan bilik kuliah yang ideal. Sebaliknya hanya 37.7% atau 34 orang guru pelatih menganggap pensyarah tidak peduli sama sekali

tentang tingkah laku guru pelatih di bilik kuliah sebagai amat penting dan penting. Ii menunjukkan guru pelatih inginkan pensyarah mengambil tahu tentang tingkah laku guru pelatih di bilik kuliah tetapi mereka tidak ingin pensyarah mengambil tindakan keras dan serta merta terhadap mereka. Ini adalah kerana pada pendapat pengkaji, guru pelatih menganggap bahawa mereka telah dewasa. Sekalipun mereka salah laku di bilik kuliah, guru pelatih berpendapat pensyarah tidak wajar mengambil tindakan keras; pensyarah yang bertindak secara lemah lembut terhadap guru pelatih mungkin lebih berkesan.

#### **4.2.3 Persepsi Tentang Pengendalian Aktiviti Tugasan Kerja Kursus**

**Jadual 4.8 : Sebaran persepsi tentang ciri pengendalian aktiviti tugas kerja kursus**

BIL.	CIRI	DARJAT PENTINGNYA			
		1	2	3	4
1	Pensyarah menjelaskan dengan perinci tentang sesuatu kerja kursus untuk guru pelatih.	87.8 (79)	12.2 (11)	-	-
2	Pensyarah menghendaki tugas kerja kursus disiapkan secara individu.	10.0 (9)	38.9 (35)	43.3 (39)	7.8 (7)
3	Pensyarah menghendaki tugas kerja kursus disiapkan secara kumpulan.	30.0 (27)	46.7 (42)	20.0 (18)	3.3 (13)

4	Pensyarah memberi guru pelatih kebebasan untuk memilih tajuk tugasan kerja khusus.	18.9 (17)	40.0 (36)	30.0 (27)	11.1 (10)
5	Pensyarah memberi guru pelatih peluang membentang tugasan kerja kursus di bilik tutorial.	23.3 (21)	61.1 (55)	15.6 (14)	-
6	Pensyarah sentiasa menuntut tugasan kerja kursus yang baik daripada guru pelatih.	20.0 (18)	67.8 (61)	8.9 (8)	3.3 (3)
7	Sebaik sahaja pensyarah memeriksa hasil tugasan kerja kursus beliau memulangkannya kepada guru pelatih.	57.8 (52)	37.8 (34)	4.4 (4)	-
8	Pensyarah sering memberi komen tentang kelemahan dan kekuatan sesuatu tugasan kerja kursus guru pelatih.	50.0 (45)	47.8 (43)	2.2 (2)	-
9	Pensyarah memberi pemberatan yang lebih kepada markah tugasan kerja kursus berbanding dengan markah peperiksaan kursus akhir semester.	27.8 (25)	45.6 (41)	21.1 (19)	5.6 (5)
10	Pensyarah memberi tugasan kerja kursus yang dapat membantu guru pelatih dalam pengajaran di bilik darjah kelak.	61.1 (55)	31.1 (28)	7.8 (7)	-
11	Pensyarah menggubal soalan peperiksaan yang merangkumi isi-isi penting di dalam tugasan kerja kursus.	28.9 (26)	51.1 (46)	13.3 (12)	6.7 (6)

12	Pensyarah menggagalkan guru pelatih yang didapati menciplak tugas kerja kursus.	12.2 (11)	30.0 (27)	44.4 (40)	13.3 (12)
13	Pensyarah tidak perlu memberi tugas kerja kursus.	11.1 (10)	15.6 (14)	32.2 (29)	41.1 (37)

Nota:

- 1 - amat penting
- 2 - penting
- 3 - kurang penting
- 4 - tidak penting

Angka dalam ( ) merupakan bilangan

Nampaknya, dalam pengendalian aktiviti tugas kerja kursus, ciri-ciri yang dianggap amat penting oleh guru pelatih ialah pensyarah menjelaskan dengan perinci tentang kerja kursus untuk guru pelatih (87.8% atau 79 orang). Ini diikuti pensyarah yang dapat memberi tugas kerja kursus yang dapat membantu guru pelatih dalam pengajaran di dalam bilik darjah kelak (61.1% atau 55 orang). Ketiga ialah pensyarah memulangkan tugas kerja kursus sebaik sahaja pensyarah memeriksanya (57.8% atau 52 orang). Keempat ialah pensyarah sering memberi komen tentang kelemahan dan kekuatan sesuatu kerja kursus (50.0% atau 45 orang). Keempat-empat ciri ini dianggap amat penting oleh lebih daripada 50% atau 45 orang guru pelatih.

Jika dilihat dari segi banyaknya guru pelatih yang memilih darjah 4 (tidak pentin) ciri pensyarah tidak perlu memberi tugas kerja kursus (41.1% atau 37 orang) dan pensyarah

menggagalkan guru pelatih yang didapati menciplak tugas kerja kursus (13.3% atau 12 orang) dianggap paling tidak penting. Seterusnya ialah pensyarah memberi guru pelatih kebebasan untuk memilih tugas kerja kursus (11.1% atau 10 orang). Ketiga-tiga ciri ini dianggap tidak penting oleh lebih daripada 10% guru pelatih dan kurang daripada separuh jumlah guru pelatih sahaja.

Darjat 1 dan 2 (amat penting dan penting) dicantumkan untuk memberi gambaran yang lebih jelas tentang ciri-ciri pengendalian aktiviti tugas kerja kursus oleh pensyarah seperti di dalam Jadual 4.9.

**Jadual 4.9 : Pemeringkatan ciri pengendalian aktiviti tugas kerja kursus selepas cantuman darjat 1 dan 2**

Ciri	Cantuman 1 dan 2	Kedudukan
Pensyarah menjelaskan dengan perinci tentang sesuatu kerja kursus untuk guru pelatih.	100 (90)	1
Pensyarah sering memberi komen tentang kelemahan dan kekuatan sesuatu tugas kerja kursus guru pelatih.	97.8 (88)	2
Sebaik sahaja pensyarah memeriksa hasil tugas kerja kursus beliau memulangkannya kepada guru pelatih.	95.6 (86)	3

Pensyarah memberi tugas kerja kursus yang dapat membantu guru pelatih dalam pengajaran di bilik darjah kelak.	92.2 (83)	4
Pensyarah sentiasa menuntut tugas kerja kursus yang baik daripada guru pelatih.	87.8 (79)	5
Pensyarah memberi guru pelatih peluang membentang tugas kerja kursus di bilik tutorial.	84.4 (76)	6
Pensyarah menggubal soalan peperiksaan yang merangkumi isi-isi penting di dalam tugas kerja kursus.	80.0 (72)	7
Pensyarah menghendaki tugas kerja kursus disiapkan secara kumpulan.	76.7 (69)	8
Pensyarah memberi pemberatan yang lebih kepada markah tugas kerja kursus berbanding dengan markah peperiksaan kursus akhir semester.	73.3 (66)	9
Pensyarah memberi guru pelatih kebebasan untuk memilih tajuk tugas kerja kursus.	58.9 (53)	10
Pensyarah menghendaki tugas kerja kursus disiapkan secara individu.	48.9 (44)	11
Pensyarah menggaggalkan guru pelatih yang didapati menciplak tugas kerja kursus.	42.2 (38)	12

Pensyarah tidak perlu memberi tugasan kerja kursus.	26.7 (24)	13
---	--------------	----

Ciri-ciri yang dianggap amat penting dan penting oleh lebih daripada 90% guru pelatih ialah pensyarah sering memberi komen tentang kelemahan dan kekuatan sesuatu tugas kerja kursus guru pelatih (97.8% atau 88 orang), pensyarah memulangkan hasil tugas kerja kursus kepada guru pelatih sebaik sahaja pensyarah memeriksanya (95.6% atau 86 orang) dan pensyarah memberi tugas kerja kursus yang dapat membantu guru pelatih dalam pengajaran di bilik darjah kelak (92.2% atau 83 orang).

Lebih daripada 80% guru pelatih menganggap sebagai amat penting dan penting tentang ciri pensyarah sentiasa menuntut tugas kerja kursus yang baik daripada guru pelatih (87.8% atau 79 orang), pensyarah memberi guru pelatih peluang membentang tugas kerja kursus di bilik tutorial (84.4% atau 76 orang) dan pensyarah menggubal soalan peperiksaan yang merangkumi isi-isi penting di dalam tugas kerja kursus (80.0% atau 72 orang).

Dua ciri pengendalian aktiviti tugas kerja kursus yang dianggap amat penting dan penting oleh lebih daripada 70% guru pelatih ialah pensyarah menghendaki tugas kerja kursus disiapkan secara kumpulan (76.7% atau 69 orang) dan pensyarah memberi pemberatan yang lebih kepada tugas kerja kursus berbanding dengan markah peperiksaan kursus akhir semester (73.3% atau 66 orang).

Lebih kurang separuh (58.9% atau 53 orang) guru pelatih menganggap pensyarah memberi guru pelatih kebebasan untuk memilih tajuk tugasan kerja kursus sebagai amat penting dan penting.

Adalah didapati lebih daripada setengah (50%) guru pelatih menganggap semua ciri aktiviti tugasan kerja kursus yang disoalkan adalah amat penting dan penting kecuali cir pensyarah yang menghendaki tugas kerja kursus disiapkan secara individu (48.9% atau 44 orang), pensyarah menggagalkan guru pelatih yang didapati menciplak tugas kerja kursus (42.2% atau 38 orang) dan pensyarah tidak perlu memberi tugas kerja kursus (26.7% atau 24 orang).

Pada pendapat pengkaji, kurang daripada separuh guru pelatih (48.9% atau 44 orang) ingin membuat kerja kursus secara individu berbanding dengan lebih daripada tiga suku guru pelatih (76.7% atau 69 orang) ingin membuat kerja kursus secara kumpulan kerana mereka ingin mengagihkan bebanan menyiapkan tugas. Walaupun lebih ramai guru pelatih (73.3% atau 66 orang) menganggap tugas kerja kursus amat penting dan penting tetapi tidak ramai guru pelatih (42.2% atau 38 orang) menganggap pensyarah menggagalkan guru pelatih yang didapati menciplak tugas kerja kursus sebagai amat penting dan penting. Has kajian menunjukkan sesetengah guru pelatih masih menciplak tugas kerja kursus walaupun mereka menganggap tugas kerja kursus sebagai amat penting dan penting.

#### 4.2.4 Persepsi Tentang Sifat-Sifat Peribadi Pensyarah

Jadual 4.10 : Sebaran persepsi tentang sifat-sifat peribadi pensyarah

BIL.	CIRI	DARJAT PENTINGNYA			
		1	2	3	4
1	Pensyarah mempunyai sifat-sifat penyayang.	57.8 (52)	37.8 (34)	3.3 (3)	1.1 (1)
2	Pensyarah mempunyai personaliti menarik.	42.2 (38)	42.2 (38)	12.2 (11)	3.3 (3)
3	Pensyarah sentiasa memberi dorongan dan menasihati guru pelatih.	68.9 (62)	30.0 (27)	1.1 (1)	-
4	Pensyarah mestilah mempunyai hubungan mesra dengan guru pelatih.	60.0 (54)	36.7 (33)	3.3 (3)	-
5	Pensyarah bersifat serius terhadap mutu tugas yang diserahkan oleh guru pelatih.	25.6 (23)	45.6 (41)	23.3 (21)	5.6 (5)
6	Pensyarah menerima teguran daripada guru pelatih jika beliau melakukan sesuatu kesilapan.	38.9 (35)	51.1 (46)	7.8 (7)	2.2 (2)
7	Pensyarah mestilah sentiasa berpakaian kemas dan bertali leher.	53.3 (48)	37.8 (34)	7.8 (7)	1.1 (1)

8	Pensyarah mempunyai banyak pengalaman dan berpengetahuan dalam bidang pendidikan guru.	70.0 (63)	26.7 (24)	3.3 (3)	- -
9	Pensyarah mestilah terus meneroka ilmu dalam bidang pendidikan guru.	72.2 (65)	24.4 (22)	3.3 (3)	- -
10	Pensyarah terlibat secara aktif dalam semua aktiviti di luar bilik kuliah bersama-sama dengan guru pelatih.	41.1 (37)	53.3 (48)	3.3 (3)	2.2 (2)
11	Adalah lebih sesuai pensyarah terdiri daripada golongan lelaki.	3.3 (3)	10.0 (9)	41.1 (37)	45.6 (41)
12	Pensyarah patut berijazah	38.9 (35)	40.0 (36)	16.7 (15)	4.4 (4)
13	Pensyarah sentiasa menegur tingkah laku guru pelatih yang kurang sopan.	30.0 (27)	56.7 (51)	10.0 (9)	3.3 (3)

Nota :      1 - amat penting  
               2 - penting  
               3 - kurang penting  
               4 - tidak penting  
               Angka dalam ( ) merupakan bilangan

Jadual 4.10 menunjukkan bahawa jumlah terbesar guru pelatih yang memilih darja 1 (amat penting) bagi satu-satu ciri ialah pensyarah mestilah terus meneroka ilmu dalam bidang pendidikan guru (72.2% atau 65 orang), kedua ialah pensyarah banyak mempunyai pengalaman dan berpengetahuan dalam bidang pendidikan guru (70.0% atau 63 orang) da

ketiga pensyarah sentiasa memberi dorongan dan menasihati guru pelatih (68.9% atau 62 orang). Akhir sekali, hanya 3.3% atau 3 orang guru pelatih memilih ciri pensyarah adalah lebih sesuai terdiri daripada golongan lelaki .

Apabila pengkaji mencantumkan darjat 1 dan 2 (amat penting dan penting) gambaran yang lebih jelas akan diperolehi tentang persepsi sifat-sifat peribadi pensyarah yang ideal. Dapatannya adalah seperti di Jadual 4.11.

**Jadual 4.11 : Pemeringkatan sifat-sifat peribadi pensyarah**

CIRI	CANTUMAN 1 DAN 2	KEDUDUKAN
Pensyarah mempunyai sifat-sifat penyayang.	95.6 (86)	3
Pensyarah mempunyai personaliti menarik.	84.4 (76)	8
Pensyarah sentiasa memberi dorongan dan menasihati guru pelatih.	98.9 (89)	1
Pensyarah mestilah mempunyai hubungan mesra dengan guru pelatih.	96.7 (87)	2
Pensyarah bersifat serius terhadap mutu tugas yang diserahkan oleh guru pelatih.	71.1 (64)	9

Pensyarah menerima teguran daripada guru pelatih jika beliau melakukan sesuatu kesilapan.	90.0 (81)	6
Pensyarah mestilah sentiasa berpakaian kemas dan bertali leher.	91.1 (82)	5
Pensyarah mempunyai banyak pengalaman dan berpengetahuan dalam bidang pendidikan guru.	96.7 (87)	2
Pensyarah mestilah terus meneroka ilmu dalam bidang pendidikan guru.	96.7 (87)	2
Pensyarah terlibat secara aktif dalam semua aktiviti di luar bilik kuliah bersama-sama dengan guru pelatih.	94.4 (85)	4
Adalah lebih sesuai pensyarah terdiri daripada golongan lelaki.	13.3 (12)	10
Pensyarah patut berijazah	78.9 (71)	8
Pensyarah sentiasa menegur tingkah laku guru pelatih yang kurang sopan.	86.7 (78)	7

Sifat-sifat peribadi pensyarah yang dianggap penting dan amat penting oleh 90% dan lebih guru pelatih adalah seperti berikut. Hampir semua guru pelatih (98.9%) menganggap pensyarah sentiasa memberi dorongan dan menasihati guru pelatih sebagai penting dan ama

penting, pensyarah mestilah mempunyai hubungan mesra dengan guru pelatih (96.7%), pensyarah banyak mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang pendidikan guru (96.7%), pensyarah mestilah terus meneroka ilmu dalam bidang pendidikan guru (96.7%), pensyarah mempunyai sifat-sifat penyayang (95.6%), pensyarah terlibat secara aktif dalam semua aktiviti di luar bilik kuliah bersama-sama dengan guru pelatih (94.4%), pensyarah mestilah sentiasa berpakaian kemas dan bertali leher (91.1%) dan pensyarah menerima teguran daripada guru pelatih jika beliau melakukan sesuatu kesilapan (90%).

Dua ciri sifat pensyarah sahaja yang dianggap penting oleh 80% hingga 89% guru pelatih. Ciri-ciri itu adalah pensyarah sentiasa menegur tingkah laku guru pelatih yang kurang sopan (86.7%) dan pensyarah mempunyai personaliti menarik (84.4%).

Ciri-ciri yang berada di dalam kategori 70% hingga 79% adalah pensyarah patut berijazah (78.9%) dan pensyarah bersifat serius terhadap mutu tugas yang diserahkan oleh guru pelatih (71.1%).

Hanya sedikit sahaja guru pelatih (13.3%) menganggap pensyarah adalah lebih sesuai terdiri daripada golongan lelaki. Ciri ini mendapat kedudukan terakhir dalam pilihan guru pelatih tentang ciri-ciri sifat peribadi pensyarah yang ideal. Hal ini memang benar kerana sifat-sifat mulia seseorang pensyarah tidak ada kaitan dengan jantinanya. Kajian ini selaras dengan kajian Warwick et. al. (1994) yang mendapati faktor jantina guru sendiri bukanlah faktor secara langsung yang mempengaruhi pencapaian di kalangan pelajar di Pakistan.

#### 4.2.5 Persepsi Tentang Bentuk Hubungan Antara Guru Pelatih Dengan Pensyarah

Jadual 4.12 menunjukkan keputusan kajian tentang bentuk hubungan antara guru pelatih dengan pensyarah. Pengkaji akan memilih item yang sesuai dari Jadual 4.11 untuk mengkaji bentuk hubungannya.

**Jadual 4.12 : Peratus dan bilangan persepsi tentang bentuk hubungan di antara guru pelatih dengan pensyarah**

CIRI	PERATUS	BILANGAN
Pensyarah mestilah mempunyai hubungan mesra dengan guru pelatih.	96.7	87
Pensyarah terlibat secara aktif dalam semua aktiviti di dalam dan di luar bilik kuliah bersama-sama dengan guru pelatih.	94.4	85
Pensyarah menerima teguran daripada guru pelatih jika beliau melakukan sesuatu kesilapan.	90	81
Pensyarah sentiasa menegur tingkah laku guru pelatih yang kurang sopan.	86.7	78

Hampir semua guru pelatih (96.7%) menganggap sebagai amat penting dan penting pensyarah mestilah mempunyai hubungan yang mesra dengan guru pelatih. Sembilan puluh empat perpuluhan empat peratus atau 85 orang guru pelatih pula menganggap amat

penting dan penting pensyarah terlibat secara aktif dalam semua aktiviti di dalam dan di luar bilik kuliah bersama-sama dengan guru pelatih. Lebih banyak guru pelatih (90 % atau 81 orang) menganggap amat penting dan penting, pensyarah menerima teguran daripada guru pelatih jika pensyarah melakukan sesuatu kesilapan daripada pensyarah menegur tingkah laku guru pelatih yang kurang sopan (86.7% atau 78 orang).

#### 4.3 Analisis Ujian-T

##### 4.3.1 Perbandingan Persepsi Guru Pelatih Terhadap Ciri-Ciri Pensyarah Yang Ideal

Analisis di dalam bahagian ini adalah untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan signifikan antara ciri pensyarah dan 3 varibel tidak bebas iaitu jantina, pencapaian akademik dan opsyen guru pelatih. Untuk tujuan ini, pengkaji telah menggunakan Ujian-T pada tahap signifikan  $p = 0.05$ .

#### **4.3.2 Analisis Ujian-T Untuk Membandingkan Persepsi Terhadap Ciri-Ciri Pensyarah Yang Ideal Berasaskan Jantina Guru Pelatih**

Jadual 4.13 menunjukkan perbandingan Ujian-T ke atas skor min kategori 1 iaitu penyampaian kuliah yang diperolehi oleh guru pelatih lelaki dan perempuan. Keputusan menunjukkan skor min guru pelatih lelaki ialah 30.3 dan sisihan lazim 4.4. Skor min guru pelatih perempuan pula ialah 27.9 dan sisihan lazim 4.5 . Nilai T 2.46 telah disemak dan menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara skor min guru pelatih lelaki dan perempuan.

Di dalam kategori 2 iaitu pengurusan bilik kuliah pula, guru pelatih lelaki mempunyai skor min 28.2 dan sishan lazim 4.1 manakla skor min guru pelatih perempuan ialah 26.2 dan sisihan lazim 3.4 . Nilai T 2.21 yang telah disemak ke atas nilai kritikal di tahap 0.05 menunjukkan ada perbezaan. Jadi terdapat perbezaan signifikan antara persepsi guru pelatih lelaki dan guru pelatih perempuan terhadap ciri pengurusan bilik kuliah oleh pensyarah.

Di dalam kategori 3 iaitu pengendalian aktiviti tugas kerja kursus, skor min bagi guru pelatih lelaki ialah 26.0 dan sisihan lazim 3.6 sementara guru pelatih perempuan mempunyai skor min 24.2 dan sisihan lazim 3.6 . Nilai T 2.29 telah diperolehi dan disemak. Keputusannya menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara persepsi guru pelatih lelaki dan perempuan terhadap ciri pengendalian aktiviti kerja kursus pensyarah.

Di dalam kategori 4 iaitu sifat peribadi pula, guru pelatih lelaki memperolehi skor min 22.5 dan sisihan lazim 4.09 sementara skor min guru pelatih perempuan ialah 22.9 dan sisihan lazim 3.5 . Nilai  $T = -0.44$  yang telah disemak untuk menentukan perbezaan menunjukkan tidak ada perbezaan signifikan antara persepsi guru pelatih lelaki dan perempuan terhadap ciri sifat peribadi pensyarah.

Kesimpulannya, hanya terdapat perbezaan signifikan antara persepsi guru pelatih lelaki dan perempuan di dalam kategori 1, 2 dan 3 tetapi tidak ada perbezaan signifikan antara persepsi guru pelatih lelaki dan perempuan di dalam kategori 4. Skor min bagi setiap sub-skala dapat dilihat dengan lebih jelas di Carta 4.1.

**Jadual 4.13 : Analisis Ujian-T untuk membandingkan persepsi terhadap ciri-ciri pensyarah yang ideal berdasarkan jantina guru pelatih**


CIRI-CIRI		JANTINA		UJIAN-T	
		LELAKI	PEREMPUAN	T	P
Penyampaian kuliah (Kategori 1)	Min S.L.	30.3 4.4	27.9 4.5	2.46	S
Pengurusan Bilik Kuliah (Kategori 2)	Min S.L.	28.2 4.1	26.2 3.4	2.21	S
Pengendalian aktiviti kerja kursus (Kategori 3)	Min S.L.	26 3.6	24.2 3.6	2.29	S
Sifat Peribadi (Kategori 4)	Min S.L.	22.5 4.09	22.9 3.5	-0.44	T.S

Petunjuk: S.L. - Sisihan Lazim  
 T - Nilai Skor Ujian-T  
 P - Penentuan Keputusan  
 S - Signifikan  
 T.S. - Tidak Signifikan

Pengkaji telah mengategorikan ciri-ciri pensyarah kepada kategori-kategori berikut:

- Kategori 1 - Penyampaian kuliah
- Kategori 2 - Pengurusan bilik kuliah
- Kategori 3 - Pengendalian aktiviti tugasan kerja kursus
- Kategori 4 - Sifat peribadi

**Carta 4.1 : Skor min persepsi guru pelatih lelaki dan perempuan**



#### **4.3.3 Analisis Ujian-T Untuk Membandingkan Persepsi Terhadap Ciri-Ciri Pensyarah Yang Ideal Berdasarkan Aliran Guru Pelatih**

Jadual 4.14 menunjukkan tidak ada perbezaan signifikan dalam skor min penyampaian kuliah antara aliran sains dan sastera. Data ini juga menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan antara skor min aliran sains dan sastera di dalam pengurusan bilkuliah, pengendalian tugas kerja kursus dan sifat peribadi pensyarah. Keputusan Ujian ini menunjukkan dua kumpulan guru pelatih yang beropsyen sains dan sastera tidak berbeza dalam persepsi mereka terhadap ciri-ciri seorang pensyarah yang ideal. Skor min bagi setiap sub-skala dapat dilihat dengan lebih jelas di Carta 4.2.


**Jadual 4.14: Analisis Ujian-T untuk membandingkan persepsi terhadap ciri-ciri pensyarah yang ideal berdasarkan jurusan guru pelatih**

CIRI-CIRI		JURUSAN		UJIAN-T	
		SAINS	SASTERA	T	P
Penyampaian kuliah (Kategori 1)	Min S.L.	27.8 3.9	29.0 4.8	-1.25	T.S
Pengurusan Bilik Kuliah (Kategori 2)	Min S.L.	27.2 4.5	26.8 3.4	0.39	T.S
Pengendalian Aktiviti Tugasan Kerja Kursus (Kategori 3)	Min S.L.	24.8 3.2	24.8 3.5	0.04	T.S
Sifat Peribadi (Kategori 4)	Min S.L.	23.3 4.0	22.5 3.5	0.97	T.S

Petunjuk: S.L. - Sisihan Lazim  
 T - Nilai Skor Ujian-T  
 P - Penentuan Keputusan  
 S - Signifikan  
 T.S. - Tidak Signifikan

Pengkaji telah mengkategorikan ciri-ciri pensyarah kepada kategori-kategori berikut:  
 Kategori 1 - Penyampaian kuliah  
 Kategori 2 - Pengurusan bilik kuliah  
 Kategori 3 - Pengendalian aktiviti tugas kerja kursus  
 Kategori 4 - Sifat peribadi

**Carta 4.2 : Skor min persepsi guru pelatih aliran sains dan sastera**



#### **4.3.4      Analisis Ujian-T Untuk Membandingkan Persepsi Terhadap Ciri-Ciri Pensyarah Yang Ideal Berasaskan Kelayakan Guru Pelatih**

Seperti dinyatakan di Jadual 4.15, tidak ada perbezaan signifikan dalam skor min penyampaian kuliah antara guru pelatih kelayakan S.P.M. dan S.T.P.M. . Data ini juga menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan antara guru pelatih berkelayakan S.P.M. dan S.T.P.M. di dalam pengurusan bilik kuliah, pengendalian aktiviti tugas kerja kursus dan sifat peribadi pensyarah. Walau bagaimanapun, guru berkelayakan S.T.P.M. mempunyai skor min yang lebih tinggi dalam persepsi mereka terhadap penyampaian kuliah dan pengurusan bilik kuliah serta tugas kerja kursus kecuali sifat peribadi pensyarah. Bagi kategori 4 iaitu sifat peribadi, guru berkelayakan S.T.P.M. mempunyai skor min 22.5 dan sishan lazim 3.6 sementara skor min dan sishan lazim guru berkelayakan S.P.M. ialah 23.3 dan 3.8 . Skor min bagi setiap sub-skala dapat dilihat dengan lebih jelas di Carta 4.3.

Keputusan ini menunjukkan 2 kumpulan guru pelatih ini tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam pemilihan ciri pensyarah yang ideal.

**Jadual 4.15: Analisis Ujian-T untuk membandingkan persepsi terhadap ciri-ciri pensyarah yang ideal berdasarkan kelayakan guru pelatih**

CIRI-CIRI		JURUSAN		UJIAN-T	
		SPM	STPM	T	P
Penyampaian kuliah (Kategori 1)	Min	27.8	28.9	-1.11	T.S
	S.L.	4.1	4.7		
Pengurusan Bilik Kuliah (Kategori 2)	Min	25.9	27.8	-1.27	T.S
	S.L.	4.0	3.7		
Pengendalian Aktiviti Tugasan Kerja Kursus (Kategori 3)	Min	24.4	24.9	-0.85	T.S
	S.L.	2.7	3.6		
Sifat Peribadi (Kategori 4)	Min	23.3	22.5	0.78	T.S
	S.L.	3.8	3.6		

Petunjuk: S.L. - Sisihan Lazim  
 T - Nilai Skor Ujian-T  
 P - Penentuan Keputusan  
 S - Signifikan  
 T.S. - Tidak Signifikan

Pengkaji telah mengkategorikan ciri-ciri pensyarah kepada kategori-kategori berikut:

- Kategori 1 - Penyampaian kuliah
- Kategori 2 - Pengurusan bilik kuliah
- Kategori 3 - Pengendalian aktiviti tugasan kerja kursus
- Kategori 4 - Sifat peribadi

**Carta 4.3 : Skor min persepsi guru pelatih berkelayakan S.P.M. dan S.T.P.M.**

